



Kenyataan Media
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

- 1. PELAKSANAAN DE-ESCALATION TAHAP KELIMA DAN PENGEMASKINIAN GARISPANDU BAGI SUKAN DALAM DEWAN DAN LUAR DEWAN**

- 2. PELAKSANAAN DE-ESCALATION TAHAP KELIMA BAGI PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK (CCC); PUSAT-PUSAT ORANG KELAINAN UPAYA; MUZIUM-MUZIUM, GALERI-GALERI PAMERAN DAN PERPUSTAKAAN; DAN PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS (PKWE)**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sebagai susulan kepada kenyataan media yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan mengenai perkembangan situasi terkini jangkitan COVID-19 dan perubahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial yang diambil berikutan situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada hari Sabtu, 6 Mac 2021, dengan ini dikongsikan Garispanduan Pelaksanaan Tahap ke-5 (“*new normal*” atau kebiasaan baharu) bagi acara-acara Sukan Dalam Dewan dan Luar Dewan; Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (CCC); Pusat-Pusat Orang Kelainan Upaya; Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan; dan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) yang akan bermula pada hari **Isnin, 21 Rejab 1442 bersamaan 08 Mac 2021**.

Perkara Pertama. Pengemaskinian garispanduan bagi semua acara Sukan Dalam dan Luar Dewan yang merangkumi sukan-sukan seperti berikut:

- 1. Penganjur Pertandingan atau Kejohanan Sukan adalah dibenarkan.** Penganjur hendaklah membuat **pendaftaran kejohanan dan rekod yang sewajarnya di pintu masuk** bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan.

- 2. Mengimbas kod QR Fasiliti Sukan.** Bagi yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR, pengurus premis atau fasiliti boleh menyediakan buku daftar bagi mencatit butiran peribadi pemain, pengunjung atau petugas;

- 3. Jumlah penonton hendaklah dihadkan kepada 75% dari kapasiti ruang dan tidak melebihi 500 orang;**

- 4. Acara sukan adalah dibenarkan. Sukan individu dan sukan berpasukan termasuk sukan yang berupa kontak adalah dibenarkan;**

- 5. Digalakkan menggunakan kelengkapan sendiri** dan perlu disanitasi sebelum dan selepas penggunaan;

- 6. Premis dan fasiliti dalam dewan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan mempunyai aliran udara yang baik;**

- 7. Individu yang kurang sihat tidak dibenarkan masuk dan menyertai pertandingan.**

Perkara Kedua: Peningkatan *de-escalation* dari tahap keempat ke tahap kelima bagi :

(a) Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (CCC)

1. Aktiviti dalaman dan luaran berjalan seperti biasa
2. Imbas Kod QR sebelum masuk premis Pusat Penjagaan
3. Isi buku catatan jika tidak ada kemudahan untuk menimbas Kod QR
4. Pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis Pusat Penjagaan
5. Petugas/Penjaga dan kanak-kanak yang kurang sihat tidak dibenarkan memasuki premis Pusat Penjagaan
6. Menyediakan sanitasi tangan di tempat masuk dan lokasi yang bersesuaian
7. Aktiviti dalam/luar dan aktiviti berkumpulan adalah dibenarkan
8. Elakkan sentuhan fizikal
9. Tidak dibenarkan berkongsi makanan dan memastikan kanak-kanak mempunyai peralatan sendiri
10. Membersihkan tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti
11. Membersihkan fasiliti dan ruang Pusat Penjagaan sebelum dan selepas penggunaan
12. Petugas dan penjaga pusat digalakkan memakai sungkup muka
13. Premis dan fasiliti Pusat Penjagaan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan mempunyai aliran udara yang baik
14. Untuk mengasingkan diri dan segera berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan apabila kurang sihat
15. Dapatkan vaksinasi apabila program vaksinasi mula diadakan
16. Sentiasa mematuhi langkah-langkah berwaspada

(b) Pusat-Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE)

1. Aktiviti dalaman dan luaran berjalan seperti biasa
2. Imbas Kod QR sebelum masuk serta mendapatkan kelulusan kod hijau atau kuning sahaja
3. Isi buku catatan jika tidak ada kemudahan untuk menimbas Kod QR
4. Pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis
5. Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak menghadirkan diri
6. Menyediakan sanitasi tangan di tempat masuk dan lokasi yang bersesuaian
7. Elakkan sentuhan fizikal
8. Membersihkan tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti
9. Membersihkan dan mensanitasi semua bilik, perabot dan peralatan sebelum dan selepas penggunaan
10. Digalakkan menggunakan sungkup muka
11. Gunakan sarung tangan bagi mengurangkan sentuhan dengan permukaan
12. Pusat hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan mempunyai aliran udara yang baik
13. Dapatkan vaksinasi apabila program vaksinasi mula diadakan
14. Sentiasa mematuhi langkah-langkah berwaspada

(c) Pusat-Pusat Orang Kelainan Upaya

1. Aktiviti dalaman dan luaran berjalan seperti biasa
2. Imbas Kod QR sebelum masuk serta mendapatkan kelulusan kod hijau atau kuning sahaja
3. Isi buku catatan jika tidak ada kemudahan untuk menimbas Kod QR

4. Pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis
5. Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak menghadirkan diri
6. Menyediakan sanitasi tangan di tempat masuk dan lokasi yang bersesuaian
7. Aktiviti berkumpulan mengikut garispandu tersedia
8. Elakkan sentuhan fizikal
9. Amalkan kebersihan diri yang baik dan penggunaan kelengkapan individu
10. Membersihkan tangan sebelum dan selepas menjalankan aktiviti
11. Membersihkan dan mensanitasi semua bilik, perabot dan peralatan sebelum dan selepas penggunaan
12. Petugas digalakkan memakai sungkup muka
13. Pusat hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan mempunyai aliran udara yang baik
14. Untuk mengasingkan diri dan segera berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan apabila kurang sihat
15. Dapatkan vaksinasi apabila program vaksinasi mula diadakan
16. Sentiasa mematuhi langkah-langkah berwaspada

(d) Muzium-Muzium, Galeri-Galeri Pameran dan Perpustakaan

1. Beroperasi seperti kapasiti biasa
2. Petugas digalakkan memakai sungkup muka
3. Membersihkan kelengkapan dan ruang sebelum penggunaan
4. Memastikan premis mempunyai aliran udara yang baik
5. Waktu-waktu beroperasi adalah seperti berikut:
 - i) **Muzium-Muzium, Galeri, Taman dan Tapak Warisan di bawah Kawalan Jabatan Muzium-Muzium** akan beroperasi selama 8 jam iaitu mulai **jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang** setiap hari **Isnin hingga Khamis, Sabtu dan Ahad** dan akan ditutup pada **hari Jumaat**.
 - ii) **Muzium Daerah Belait dan Galeri Sukan** akan beroperasi pada **hari Isnin hingga Rabu, Sabtu dan Ahad** selama 8 jam mulai jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang** dan akan ditutup pada hari **Khamis dan Jumaat**.
 - iii) **Galeri Pameran dan Tapak Warisan, Pusat Sejarah Brunei** akan beroperasi pada:

Hari Isnin:

8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Hari Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu:

8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang

Hari Ahad: 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari (Bandarku Ceria)

Hari Jumaat: Tutup

Perkhidmatan Perpustakaan di bawah kawalan Dewan Bahasa dan Pustaka beroperasi seperti berikut:

- i) **Cawangan Bandar Seri Begawan, Kg Pandan, Tutong dan Temburong** akan beroperasi **setiap hari** mulai **jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang** dan kecuali bagi **Cawangan Bandar Seri Begawan** akan beroperasi **sehingga jam 6.00 petang**; dan **ditutup** pada **hari Cuti Kelepasan Awam**.
- ii) **Cawangan Muara, Lambak Kanan, Sengkurong, Seria dan Kuala Belait** akan beroperasi pada **hari Sabtu hingga Khamis** mulai **jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang** dan **ditutup** pada **hari Jumaat dan Cuti Kelepasan Awam**.
- iii) **Pusat Masyarakat Bestari, Kg Rimba dan Pusat Masyarakat Bestari, Lumut** akan beroperasi pada **hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu** mulai **jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** dan **jam 1.30 petang hingga 4.30 petang** dan akan **ditutup** pada **hari Jumaat, Ahad dan Cuti Kelepasan Awam**.

Waktu beroperasi bagi perkhidmatan Arkib Negara, Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium, Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei dan Pusat Pengkajian Borneo adalah seperti berikut:

- i) **Perkhidmatan Arkib Negara dan Perpustakaan Muzium** akan beroperasi pada **hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu** mulai **jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** dan **2.00 petang hingga 4.00 petang** dan akan **ditutup** pada **hari Jumaat dan Ahad**.
- ii) **Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei dan Pusat Pengkajian Borneo** akan beroperasi pada **hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu** mulai **jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** dan **2.00 petang hingga 4.00 petang** dan akan **ditutup** pada **hari Jumaat dan Ahad**.

Dengan perubahan yang demikian, sukacita diingatkan kepada para pengguna, pengunjung serta pengurus pusat dan fasiliti berkeraaan untuk terus menggunakan aplikasi *BruHealth* untuk tujuan pendaftaran kod QR. Turut diingatkan kepada orang ramai untuk mengimbas kod QR aplikasi *BruHealth* apabila masuk dan keluar setiap pusat dan fasiliti, sentiasa berwaspada dan sama-sama membantu untuk mengamalkan tanggungjawab sosial (*social responsibility*), memastikan kebersihan diri dan persekitaran pada setiap masa demi memastikan keselamatan setiap pihak. InsyaAllah.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garispandu yang terperinci yang telah disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dengan melayari laman web www.kkbs.gov.bn. Sekian disampaikan, didoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan sentiasa memberikan kita kerahmatan, perlindungan serta nikmat kesihatan yang berpanjangan. Amin Ya Rabbal alamin.

- TAMAT -